

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 4 TAHUN 1970

CUKAI PELAJARAN BAGI TAHUN 1971

Adalah dimaklumkan bahawa menurut kuasa-kuasa yang diberikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong oleh seksyen 4(1) dalam Akta (Pindaan) Pelajaran 1963, Baginda telah mengishtiharkan di dalam Warta Kerajaan sebagai P.U(B) 219 bertarikh 27 Ogos 1970 bahawa memandangkan kepada kedudukan-kedudukan am kewangan Persekutuan dan kepada perkembangan pelajaran di merata-rata bahagian Persekutuan, Baginda berpuas hati yang Seksyen 4 dalam Akta yang tersebut di atas ini mustahak di kuatkuasakan bagi tahun 1971.

2. Seterusnya Jemaah Menteri telah meluluskan kadar cukai pelajaran yang patut dikenakan atas tanah-tanah di luar kawasan-kawasan yang dikuasai oleh Pengguna Tempatan (Majlis-majlis Bandaran) bagaimana yang dikemukakan oleh YB Menteri Pelajaran dan kadar ini juga telah diterima oleh Kerajaan Negeri dan akan disiarkan dalam Warta Kerajaan Negeri Kelantan. Rang siaran dalam Warta Kerajaan itu adalah bagaimana kembaran A (bahasa Malaysia) dan kembaran B(bahasa Inggeris) kepada pengedaran ini.
3. Oleh itu yang demikian maka semua Pemungut hasil Tanah adalah diminta memungut cukai Pelajaran atas semua pegangan, iaitu semua tanah milik, tanah lombong dan tanah yang berpegang dengan lesen sementara menurut kadar ini.
4. Sayugia diambil perhatian bahawa kadar bagi tahun 1971 ini berbeza dari kadar bagi tahun 1970 oleh itu maka semua daftar hasil perlulah dipinda.

5. Bagi Jajahan-jajahan Pasir Mas, Tanah Merah, Machang dan Kuala Krai, bil-bil pungutan hasil hendaklah dipinda dengan membetulkan cukai pelajaran dan jumlah hasil yang akan dipungut. Central billing office di pejabat ini akan membetulkan semua plate-plate yang ada, oleh itu tidaklah perlu melaporkan pindaan cukai pelajaran ini.

t.t

(Akasah bin H.A. Rahman)

Pesuruhjaya Tanah dan Galian
Kelantan

**PEJABAT PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

KOTA BHARU: 29HB. DISEMBER, 1970

[PTG.SULIT.10/65/(86)]